



KP(BPSH-SPDK) 201/005/01/Jld.3(15)
9 Disember 2010

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y.Bhg Datuk/Dato'/ Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 17 TAHUN 2010 **PENGAJARAN MATA PELAJARAN BAHASA MALAYSIA DI SEKOLAH** **JENIS KEBANGSAAN CINA DAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL**

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 November 2010, telah membuat ketetapan tentang pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil adalah seperti berikut :


- 1.1 Guru yang berkelayakan mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia Tahun 1 dan Tahun 2 di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil hendaklah terdiri daripada mereka yang boleh bertutur dalam dwibahasa dan mempunyai kredit dalam Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
- 1.2 Bagi Tahun 3 hingga Tahun 6, guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia hendaklah terdiri daripada mereka yang memiliki opsyen ikhtisas Pengajian Melayu.
- 1.3 Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, yang dikategorikan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM), guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia hendaklah dipilih dalam kalangan guru yang berpengalaman dan boleh bertutur dalam dwibahasa serta mempunyai kredit Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

2. Sehubungan itu, Jabatan Pelajaran Negeri hendaklah mengambil tindakan sewajarnya semasa pelaksanaan proses penempatan, pertukaran dan penempatan semula (*redeployment*) guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil supaya selari dengan kehendak pelaksanaan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

3. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua pegawai di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


DATO' ABD. GHAFAR BIN MAHMUD
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
3. YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia
8. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia